

Headline	FRIM UMP hijau bumi kampus		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Nov 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	24	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	67 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 881
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,643



FRIM-UMP hijau bumi kampus

SETIU 6 Nov. – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kini giat menjalankan kajian terperinci mengenai kesesuaian tanaman bagi projek penghutan kampus di Universiti Malaysia Pahang (UMP) cawangan Pekan.

Ketua Unit Pengurusan Korporat FRIM, Norhayati Nordin berkata, kajian itu adalah sebahagian daripada kandungan memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai bersama UMP pada 23 Oktober lalu.

“Ini adalah projek pertama yang dijalankan FRIM untuk menghijaukan bumi kampus UMP Pekan yang bertujuan menyediakan persekitaran kondusif kepada warga universiti itu.

“FRIM bersedia menggunakan segala kepakaran yang ada hasil penyelidikan selama ini bagi memastikan projek itu berjaya dalam tempoh ditetapkan,” katanya di sini hari ini. - BERNAMA